

Sultan Selangor Terima Bayaran Zakat RM7.79 Juta Dari Tiga Syarikat Bernama
24 Julai, 2012

SHAH ALAM, 24 Julai (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima pembayaran zakat daripada tiga syarikat berjumlah RM7.79 juta.

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor membayar zakat sebanyak RM4.39 juta, Permodalan Negeri Selangor Bhd RM2.04 juta dan Worldwide Holdings RM1.36 juta pada majlis Sultan Selangor berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini Isnin.

Baginda turut menyampaikan sumbangan hari raya sebanyak RM400 seorang kepada 375 asnaf yang terdiri daripada 125 saudara baru, 125 fakir dan 125 orang miskin serta RM100 seorang kepada 130 anak yatim.

Pada majlis itu, Sultan Sharafuddin turut berkenan menyampaikan Anugerah Tokoh Usahawan Asnaf Cemerlang kepada Muhamad Burhan Salikon bagi kategori perniagaan makanan dan Mohd Yatim Abdul Ghani (perniagaan bergerak).

Sharifah Surit (perniagaan perkhidmatan), Sheikh Abdul Rahim Sheikh Yahya (perniagaan peruncitan dan pembuatan) manakala Sakila Hanis Mohamed bagi kategori perniagaan berasaskan tani.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682645>

